

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kekurangan graduan STEM diatasi	Utusan Malaysia
2.	Kekurangan graduan STEM diatasi	Utusan Online
3.	Hasil produk biodegradasi guna jerami	Kosmo
4.	Sasar jana RM100 juta ciptaan nilai GEC Labs	Harian Metro
5.	Sasar jana RM100 juta ciptaan nilai GEC Labs	MyMetro
6.	Sabah diberi penghormatan jadi tuan rumah hari UNESCO Malaysia	BERNAMA
7.	Bomba Melaka siap siaga hadapi banjir bulan depan	BERNAMA
8.	New, safe and cheap way to get rid of waste	The Star Online

Hanya 28 peratus pekerja berkemahiran tinggi dihasilkan

Kekurangan graduan STEM diatasi

Oleh KHAIRUL ABIDIN NUAR
khairul.nuar@utusan.com.my

■ IPOH 7 SEPT.

BILANGAN pelajar yang mengikuti pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) semakin menunjukkan trend membimbangkan apabila hanya 28 peratus pekerja berkemahiran tinggi dihasilkan sehingga tahun lalu dengan 10 peratus lulusan tersebut berhijrah ke luar negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, jumlah berkenaan masih jauh daripada sasaran 270,000 pelajar menyertai STEM di peringkat pengajian tinggi menjelang tahun 2020 biarpun dasar penghasilan 60:40 (graduan aliran sains/teknikal:sastera) telah disasar-

kan sejak tahun 1967.

Sehubungan itu beliau berkata, Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan melaksanakan satu pelan tindakan bagi mengatasi masalah tersebut melalui penyediaan pedagogi lebih menarik menerusi pendidikan sains berasaskan pertanyaan (*inquiry based science*).



MADIUS TANGAU

Menurutnya, pihaknya telah mencuba sistem pembelajaran yang diambil dari Perancis dan praktikkannya di beberapa sekolah termasuk di Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur serta bandingannya di sekolah yang mempunyai pencapaian rendah serta sekolah berprestasi tinggi.

"Setelah kita perkenalkan sistem ini, sekolah berprestasi rendah telah mengatasi sekolah berprestasi tinggi yang tidak

melaksanakan sistem ini. Oleh sebab itu, pihak kita telah membawa sendiri Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid bagi melihat kelas pembelajaran tersebut di Perancis.

"Mudah-mudahan, sistem pembelajaran ini dapat dimulakan di taman didikan kanak-kanak (tadika) serta sekolah rendah dan menengah. Itu antara sebahagian pelan tindakan STEM yang akan dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ucapan sempena hari kedua Dialog Pembangunan Antarabangsa Pangkor (PIDD) di Pusat Konvensyen Amanjaya di sini hari ini.

Dalam pada itu, Madius berkata, adalah penting bagi semua pihak termasuk ibu bapa mempunyai kesedaran mengenai kepentingan bakat baharu dalam bidang STEM, selain memastikan kelestarian pembangunan teknologi diteruskan dalam kalangan generasi masa hadapan.



Kekurangan graduan STEM diatasi

Hanya 28 peratus pekerja berkemahiran tinggi dihasilkan tahun lalu



Madius Tangau

IPOH 7 Sept. - Bilangan pelajar yang mengikuti pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) semakin menunjukkan trend membimbangkan apabila hanya 28 peratus pekerja berkemahiran tinggi dihasilkan sehingga tahun lalu dengan 10 peratus lulusan tersebut berhijrah ke luar negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, jumlah berkenaan masih jauh daripada sasaran 270,000 pelajar menyertai STEM di peringkat pengajian tinggi menjelang tahun 2020 biarpun dasar penghasilan 60:40 (graduan alir sains/teknikal:sastera) telah disasarkan sejak tahun 1967.

Sehubungan itu beliau berkata, Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan melakukan satu pelan tindakan bagi mengatasi masalah tersebut melalui penyediaan pedagogi lebih menarik menerusi pendidikan sains berasaskan pertanyaan (inquiry based science).

Menurutnya, pihaknya telah mencuba sistem pembelajaran yang diambil dari Perancis dan praktikkannya di beberapa sekolah termasuk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta bandingkannya di sekolah yang mempunyai pencapaian rendah serta sekolah berprestasi tinggi.

"Setelah kita perkenalkan sistem ini, sekolah berprestasi rendah telah mengatasi sekolah berprestasi tinggi yang tidak melaksanakan sistem ini. Oleh sebab itu, pihak kita telah membawa sendiri Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid bagi melihat kelas pembelajaran tersebut di Perancis.

"Mudah-mudahan, sistem pembelajaran ini dapat dimulakan di taman didikan kanak-kanak (tadika) serta sekolah rendah dan menengah. Itu antara sebahagian pelan tindakan STEM yang akan dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ucapan sempena hari kedua Dialog Pembangunan Antarabangsa Pangkor (PIDD) di Pusat Konvensyen Amanjaya di sini hari ini.

Dalam pada itu, Madius berkata, adalah penting bagi semua pihak termasuk ibu bapa mempunyai kesedaran mengenai kepentingan bakat baharu dalam bidang STEM, selain memastikan kelestarian pembangunan teknologi diteruskan dalam kalangan generasi masa hadapan.

"Kita perlu ada perubahan paradigma. Jika dahulu kita selalu tanya kepada anak muda apa yang mereka hendak jadi apabila sudah besar. Namun, soalan itu perlu ditukar kepada apa permasalahan yang mereka hendak atasi pada masa hadapan," katanya.

Hasil produk biodegradasi guna jerami

SELEPAS berakhirnya musim menuai padi, para petani biasanya akan membakar jerami secara terbuka. Ia dipercayai dapat menyuburkan tanah sawah.

Begitupun, langkah itu telah mencemarkan ruang udara menerusi pembebasan asap yang terhasil daripada pembakaran tersebut.

Justeru menerusi Projek Jerami di bawah Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP), ia diharap dapat mengurangkan masalah tersebut terutama di Pendang, Kedah.

Projek BCDP yang diselia oleh Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) bersama syarikat Free The Seed Sdn. Bhd. (Free The Seed) dan Pertubuhan Peladang Kawasan Pendang Selatan (PPKPS) itu akan menggunakan jerami sebagai bahan asas dalam penghasilan produk biodegradasi.

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi, dan Sumber Tenaga Manusia Negeri Kedah, Datuk Norsabrina Mohd.



NORSABRINA (tengah) bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (kanan) melihat produk biodegradasi di kilang Free The Seed, Gurun, Kedah baru-baru ini.

Noor berkata, dia berbangga kerana negeri itu dapat menerajui inovatif dalam mentransformasikan bahan buangan kepada produk-produk mesra alam.

Katanya, Projek Jerami Padi itu selari dengan aspirasi kerajaan dalam mengoptimumkan penggunaan bahan buangan pertanian bagi menghasilkan produk-produk bernilai tambah.

"Ini merupakan langkah terbaharu dalam bidang pertanian di Kedah.

Seluruh rantai dalam proses ini adalah mesra alam sekali gus mengelakkan pencemaran udara akibat pembakaran terbuka.

"Pencapaian ini penting dalam usaha untuk menukar sisa kepada produk sekali gus menjana ekonomi petani," katanya dalam satu kenyataan akhbar baru-baru ini.

PPKPS akan membekalkan 57,000 tan metrik jerami padi secara eksklusif dari 12 estet mereka kepada syarikat Free The Seed.

Bekalan jerami padi itu akan diproses melalui teknologi enzim berpaten tersendiri untuk menghasilkan produk-produk pembungkusan biodegradasi yang bernilai lebih RM7 juta setahun.

Produk tersebut akan dipasarkan ke seluruh negara dan dieksport ke Belanda, Jerman dan Britain.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif, Bioeconomy Corporation, Dr. Mohd. Shuhaizam Mohd. Zain berkata, Free The Seed mampu menghasilkan kira-kira 60 juta unit bahan pembungkusan setahun.

Katanya, syarikat tersebut telah berjaya menerima pengiktirafan tempatan dan antarabangsa bagi produk biodegradasi seperti *Winner of Waste to Wealth Award* sempena Program Inovasi Global Greentech.

"Melalui pensijilan ini, pengguna dijamin kebolehpercayaan dan keselamatan produk dengan piawaian kebangsaan dan antarabangsa," katanya sambil memaklumkan PPKPS akan menerima pendapatan kumulatif minimum bernilai RM7.41 juta sepanjang tempoh 10 tahun.

Sasar jana RM100 juta ciptaan nilai GEC Labs

Cyberjaya: Sidang Kemuncak *GECommunity 2017* bertemakan *Designing the Future* menyasarkan menjana RM100 juta penciptaan nilai menerusi *GEC Labs* yang diperkenalkan.

Sidang itu dianjurkan Kementerian Kewangan Malaysia dan MaGIC dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI), Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) serta *Global Entrepreneurship Movement (GEM)* sebagai rakan kerjasama komuniti.

Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) Ashran Ghazi berkata, lebih 100 *GEC Labs* akan diadakan di sidang kemuncak global membabitkan perbincangan



MOHD Irwan Serigar (tiga dari kanan) melancarkan Sidang Kemuncak *GECommunity 2017*, semalam.

mendalam 15 bidang keutamaan.

Beliau berkata, ia berupaya membina komuniti global memacu pembangunan usahawanan di masa depan.

"Acara permulaan untuk sidang kemuncak global ini menyaksikan penyertaan syarikat korporat dan pemula dalam sesi pertemuan serta klinik inovasi," katanya pada

majlis pelancaran Sidang Kemuncak *GECommunity 2017*, di MaGIC, semalam.


Ketua Setiausaha Perbandarahan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah berkata, ekonomi negara masih kukuh dan terbukti pada laporan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi tempoh suku kedua tahun ini yang merekodkan pencapaian 5.8 peratus.

"Meskipun ramai mengkritik, tetapi angka jelas menunjukkan sebaliknya seperti rizab BNM terus meningkat kepada AS\$100 bilion," katanya.

Katanya, pertumbuhan ekonomi membolehkan kerajaan terus memberi subsidi seperti perubatan, pendidikan dan pengangkutan awam.



Sasar jana RM100 juta ciptaan nilai GEC Labs



MOHD Irwan Serigar (tiga dari kanan) melancarkan Sidang Kemuncak
GECCommunity 2017, semalam

Cyberjaya: Sidang Kemuncak GECCommunity 2017 bertemakan *Designing the Future* menasaskan menjana RM100 juta penciptaan nilai menerusi GEC Labs yang diperkenalkan.

Sidang itu dianjurkan Kementerian Kewangan Malaysia dan MaGIC dengan kerjasama **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI)**, Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) serta *Global Entrepreneurship Movement (GEM)* sebagai rakan kerjasama komuniti.

Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) Ashran Ghazi berkata, lebih 100 *GEC Labs* akan diadakan di sidang kemuncak global membabitkan perbincangan mendalam 15 bidang keutamaan.

Beliau berkata, ia berupaya membina komuniti global memacu pembangunan keusahawanan di masa depan.

"Acara permulaan untuk sidang kemuncak global ini menyaksikan penyertaan syarikat korporat dan pemula dalam sesi pertemuan serta klinik inovasi," katanya pada majlis pelancaran Sidang Kemuncak GECCommunity 2017, di MaGIC, semalam.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah berkata, ekonomi negara masih kukuh dan terbukti pada laporan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi tempoh suku kedua tahun ini yang merekodkan pencapaian 5.8 peratus.

"Meskipun ramai mengkritik, tetapi angka jelas menunjukkan sebaliknya seperti rizab BNM terus meningkat kepada AS\$100 bilion," katanya.

Katanya, pertumbuhan ekonomi membolehkan kerajaan terus memberi subsidi seperti perubatan, pendidikan dan pengangkutan awam.



Sabah Diberi Penghormatan Jadi Tuan Rumah Hari UNESCO Malaysia

KOTA KINABALU, 7 Sept (Bernama) -- Sabah diberi penghormatan menjadi tuan rumah Hari UNESCO Malaysia kali ketujuh dari 9 hingga 10 Sept, di Kundasang, Ranau, kira-kira 98 kilometer dari sini, selepas lebih 50 tahun Malaysia menjadi anggota badan dunia itu.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah Datuk Seri Masidi Manjun berkata acara itu, yang akan dirasmikan Menteri Pendidikan Malaysia yang juga Presiden Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) Datuk Seri Mahdzir Khalid, akan turut dihadiri Dr Shahbaz Khan, Pengarah dan Wakil UNESCO, Jakarta, sebagai tetamu kehormat.

"Acara ini bertujuan meningkatkan keberadaan dan peranan SKUM di samping memperkukuhkan kerjasama antara suruhanjaya itu dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat umum," kata Masidi pada sidang media di sini hari ini.

SKUM terdiri daripada enam sub jawatankuasa tetap yang antara lain termasuk Kementerian Pendidikan; Kementerian Pendidikan Tinggi; **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dan Kementerian Luar.

"Menganjurkan sambutan Hari UNESCO Malaysia di Sabah, secara khusus di Kundasang, Ranau, adalah tepat pada masanya dan amat penting untuk memastikan orang ramai serta masyarakat setempat memperoleh maklumat tepat berhubung usaha keras kerajaan untuk memastikan kesejahteraan penduduk dan komuniti pribumi kita menerusi pemuliharaan alam sekitar dan elemen sosio budaya yang berkaitan," kata Masidi.

Menurut Masidi, sejak 10 tahun lepas, kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Sabah menerusi kementerian beliau menyalurkan lebih RM52.3 juta untuk memastikan alam semula jadi dan biodiversiti Sabah dilindungi, dan serentak dengan itu, menjadi pemangkin kepada pengukuhan pembangunan pelancongan berasaskan alam semula jadi.

Beliau berkata pada Disember 2000, UNESCO menganugerahkan Taman Kinabalu sebagai Tapak Warisan Dunia pertama bagi Malaysia, berikutan 'nilai universal yang tinggi' dan peranannya sebagai satu daripada tapak biologi paling penting di dunia.

Masidi berkata ruang pameran akan dibuka sepanjang dua hari acara itu berlangsung bagi membolehkan orang ramai mendapat lebih banyak maklumat berkaitan pembabitan dan inisiatif Malaysia dalam UNESCO.

Selain pertandingan mengumumkan ramalan cuaca anjuran Jabatan Meteorologi Malaysia, ahli muzik berbakat akan turut mengambil bahagian dalam 'Battle of the Bands' pada 9 Sept (Sabtu).

Beliau berkata antara artis tempatan yang akan membuat persembahan pada majlis itu ialah bintang Keningau YouTube, Atmosfera, persembahan Seruling Panjang dan Juara Pertandingan Persembahan Seni Dunia 2016, Kamarul Kowasin, Asmin Mudin serta Fabian William.



Bomba Melaka Siap Siaga Hadapi Banjir Bulan Depan

MELAKA, 7 Sept (Bernama) -- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka meletakkan 400 anggotanya dalam keadaan siap siaga bagi menghadapi bencana banjir yang dijangka melanda negeri ini antara bulan depan hingga November ini.

Pengarahnya Kamarulzaman Malik Abdullah berkata daripada jumlah itu, 72 anggota merupakan paramedik terlatih dan dengan enam jentera pasukan Perkhidmatan Penyelamatan Perawatan Kecemasan (EMRS), jabatan itu mampu memberikan perkhidmatan perubatan kecemasan dengan pantas.

Beliau berkata selain itu, jabatan itu juga mempunyai 24 anggota penyelam skuba, 20 bot, sembilan lori dan tujuh jentera utiliti yang dapat memberikan bantuan mencari dan menyelamatkan serta pemindahan mangsa banjir.

"Berdasarkan laporan **Jabatan Meteorologi, Melaka** diramal menerima antara 20 hingga 40 peratus lebih hujan untuk bulan Oktober (bulan depan) dan November nanti, maka kita meletakkan semua anggota dan jentera dalam keadaan siap siaga bagi menghadapi bencana banjir," katanya pada sidang media selepas melakukan pemeriksaan persediaan banjir jabatan itu di Balai Bomba Ayer Keroh di sini hari ini.

Beliau berkata selain anggota tetap, jabatan itu juga mempunyai 40 anggota pasukan Bomba Bantuan dan 100 anggota pasukan Bomba Sukarela bagi membantu jabatan itu menghadapi bencana banjir.

Kamarulzaman berkata berdasarkan bencana banjir yang berlaku di negeri ini pada bulan lepas, Melaka menghadapi banjir jenis banjir kilat dan turut menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada.

"Pada bulan Ogos tahun lepas hanya ada tiga kawasan dilanda banjir kilat, tetapi Ogos tahun ini meningkat kepada 14 kawasan, maka daripada informasi ini kita perlu bersedia sekiranya banjir jadi lebih buruk berbanding tahun lepas.

"Maka orang ramai perlu sentiasa dengar amaran dan nasihat daripada pihak berkuasa, jika diarah berpindah kena berpindah, jangan bahayakan diri tidak mahu pindah hanya kerana terlalu sayangkan harta benda," katanya.

-- BERNAMA